



Membela Nasib Kanak-kanak

PADA tahun 2018, banyak pihak dikejutkan dengan kes perkahwinan bawah umur antara seorang lelaki yang berusia 41 tahun dengan seorang kanak-kanak perempuan berumur 11 tahun, di Gua Musang, Kelantan. Meskipun perkahwinan tersebut mendapat izin daripada keluarga kanak-kanak tersebut, namun banyak pihak menyelar tindakan tersebut dan meminta pihak berwajib menjalankan siasatan dan tindakan.

Ternyata isu tersebut mendapat perhatian kerajaan. Pertemuan demi pertemuan diadakan bagi mencari jalan penyelesaian khususnya untuk melindungi kanak-kanak di negara ini daripada terlibat dengan isu yang seumpamanya. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah pindaan terhadap undang-undang syariah di negeri serta undang-undang sivil berkaitan melakukan sekatan terhadap perkahwinan bawah umur.

Undang-undang yang sedia ada menetapkan bahawa wanita berumur 16 tahun dan lelaki berumur 18 tahun ke bawah yang mahu berkahwin, perlu mendapat keizinan mahkamah, manakala mengikut undang-undang sivil, pasangan tersebut mesti mendapat kebenaran Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Walaupun Islam menganggap bahawa perkahwinan bawah umur sesuatu yang harus, tetapi perlu dikaji semula supaya diharamkan kerana perkahwinan bawah umur boleh dianggap satu jenayah apabila tidak mematuhi had umur yang ditetapkan. Begitu pun, pengharaman perkahwinan itu bukanlah dari segi hukum, tetapi dari aspek pentadbiran.

Pada hakikatnya, kanak-kanak merupakan penggerak masa hadapan negara ini. Melalui mereka, kita menaruh harapan, aspirasi, impian dan janji untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih baik khususnya dalam membela nasib kanak-kanak. Oleh itu, mereka seharusnya diberikan peluang untuk menikmati masa dan pengalaman pada zaman kanak-kanak mereka serta mengemudi laluan mereka untuk menuju ke alam dewasa. Namun begitu, apa-apa yang berlaku pada hari ini tidaklah 100 peratus berpihak kepada mereka.

Hal ini dikatakan demikian kerana wujud keadaan apabila kanak-kanak dilucutkan hak dan dinafikan peluang untuk mencapai potensi yang mereka miliki sepenuhnya.

Antara isu yang membelenggu kanak-kanak tersebut ialah perkahwinan bawah umur. Menyedari akan hal ini, kerajaan mengambil langkah ke hadapan, untuk menangani isu perkahwinan bawah umur dengan memperkenalkan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur atau singkatannya "Pelan". Pelan strategi ini merupakan usaha kerajaan yang melibatkan siri perbincangan, perkongsian strategi dan kerjasama pada peringkat tertinggi yang melibatkan kementerian dan agensi pada peringkat persekutuan, negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan antarabangsa dan penyertaan kanak-kanak.

Pelan strategi ini sejajar dengan objektif Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan, Akta Kanak-kanak 2001 dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Pewujudan Pelan berdasarkan kepada konsep yang dipandu oleh prinsip teras konvensyen, iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan dan penyertaan.

Pelan ini mengandungi pelbagai program dan tindakan yang akan dilaksanakan sehingga peringkat akar umbi untuk menangani enam faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca perkahwinan bawah umur, iaitu: Punca pendapatan yang rendah dan kemiskinan; Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai pilihan terbaik dalam masyarakat untuk menyelesaikan masalah; Kekurangan atau ketiadaan pendidikan kesihatan reproduktif seksual (SRH) dan pendidikan keibubapaan; Undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan

berkahwin di bawah 18 tahun; Kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah; dan Penyelarasan data perkahwinan dan perceraian bawah umur.

Oleh itu, setelah mengenal pasti punca perkahwinan bawah umur, maka program dan tindakan yang dirancang akan mencerminkan isu yang merentas pelbagai sektor, seperti perundangan, keibubapaan, sistem sokongan sosial, pendidikan, kesihatan dan kesedaran. Punca perkahwinan bawah umur tersebut akan ditangani melalui perubahan dasar, penambahbaikan perundangan dan pelaksanaan program serta aktiviti kesedaran, antaranya termasuklah: Menyediakan bantuan kewangan mengikut kumpulan umur kanak-kanak; Meningkatkan akses kepada kumpulan B40 kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak; Memperkukuh penyelarasan dan penumpuan kepada program sokongan sosioekonomi yang sedia ada; Memberikan panduan dan sokongan kepada ibu bapa/penjaga dalam memperbaiki ilmu keibubapaan; Mengukuhkan institusi keluarga melalui penyampaian maklumat, bimbingan dan kemahiran kepada ibu bapa/penjaga; Meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan terhadap kanak-kanak; Memastikan penguatkuasaan perundangan yang sedia ada untuk memastikan ibu bapa/penjaga mendaftar dan mengekalkan kehadiran anak ke sekolah; Menambah baik dasar dan perundangan mengenai pendidikan dan pendidikan wajib; dan Menyediakan sokongan dan kemudahan kepada kanak-kanak/belia yang tercicir daripada pendidikan aliran perdana untuk menceburi bidang yang dapat memastikan kelangsungan hidup mereka.

Selain itu, kerajaan juga akan memastikan perundangan yang sedia ada selari dengan dasar kerajaan

dalam menghalang perkahwinan di bawah umur 18 tahun; memastikan pihak berkuasa mempunyai garis panduan dalam mempertimbangkan permohonan perkahwinan bawah umur; memastikan pihak yang berwajib memberikan kebenaran permohonan perkahwinan bawah umur mendapat pendedahan yang sewajarnya mengenai hak kanak-kanak; menyediakan mekanisme dan platform untuk membincangkan mengenai norma sosial dan stigma pelbagai pihak terlibat terhadap isu perkahwinan bawah umur; dan menangani isu perkahwinan bawah umur melalui pelan komunikasi strategik.

Pelan ini juga akan turut menawarkan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional serta kemahiran kepada kanak-kanak atau belia yang tercicir daripada pendidikan, serta memantapkan data perkahwinan dan perceraian bagi orang Islam dan bukan Islam termasuk di bawah umur 18 tahun.

Pastinya, perancangan dan pelaksanaan sahaja tidak akan memadai untuk memastikan apa-apa yang dirancang dapat direalisasikan. Oleh itu, jawatankuasa ini diharapkan akan memantau pelaksanaan dan perkembangan program serta tindakan yang dirancang pada setiap peringkat pelaksanaannya yang sudah pasti mengambil tempoh masa yang panjang, iaitu untuk tempoh lima tahun. Diyakini Pelan akan mampu berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terbabit dalam melaporkan status tindakan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan berkuat kuasa dari tempoh pelaksanaan Pelan sehingga program dan tindakan yang dirancang dalam tempoh Pelan yang akan tamat pada tahun 2025.